

## Soalan-Soalan Lazim

### Dana MOH FWD MY Heroes

#### 1. Apakah Dana MOH FWD MY Heroes (“dana”)?

Pada bulan April 2020 kami telah mengadakan dana sebanyak RM5 juta sebagai bantuan kewangan kepada petugas barisan hadapan KKM (“barisan hadapan”) dan keluarga mereka, jika ada diantara mereka dijangkiti dengan COVID-19 dan dimasukkan ke mana-mana hospital kerajaan di Malaysia. **Dana MOH FWD MY Heroes** juga menyediakan pembayaran Ihsan jika barisan hadapan meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 atau sebab-sebab lain. Baru-baru ini, kami telah menambah sebanyak RM5 juta ke dalam dana tersebut dan melanjutkan tarikh luput dana ke 31 Disember 2021.

Nota: “KKM” - Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### 2. Bilakah tarikh pelaksanaan dana?

Dana akan bermula pada **1 April 2020** sehingga **31 Disember 2021** atau sehingga dana RM 10 juta habis diguna pakai, yang mana berlaku dahulu.

### Bahagian B – Soalan-soalan Berkenaan Manfaat dan Kelayakan.

#### 3. Apakah bantuan kewangan yang disediakan dibawah Dana MOH FWD MY Heroes?

PEMBAYARAN	PETUGAS BARISAN HADAPAN	AHLI KELUARGA
<b>PEMBAYARAN IHSAN</b>		
Kematian akibat COVID-19	RM 40,000	Tidak Berkenaan
Kematian akibat lain-lain sebab	RM 10,000	Tidak Berkenaan
<b>ELAUN PELEPASAN</b>		
Penghospitalkan di ICU akibat COVID-19	RM 10,000	RM 10,000
Penghospitalkan di wad biasa akibat COVID-19	RM 2,000	RM 2,000

Tarikh kemasukan ke hospital dan/atau tarikh kematian mesti bermula/barlaku dari **1 April 2020** dan ke atas.

#### 4. Siapakan petugas barisan hadapan dan ahli keluarga yang layak?

Petugas barisan hadapan yang layak adalah kakitangan KKM yang dijangkiti virus COVID-19 semasa menjalankan tugas. Mereka adalah termasuk doktor, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, pekerja ambulans, dan pekerja pentadbiran hospital.

Ahli keluarga petugas barisan hadapan KKM adalah:

- suami/ isteri yang sah.
- Ibubapa.
- Anak-anak yang berusia 25 tahun ke bawah (termasuk anak-anak angkat yang sah).

**Bahagian C –Prosedur Tuntutan dan Pengecualian**

5. **Bolehkah saya menuntut Elaun Pelepasan untuk diri saya dan keluarga saya yang didiagnos dengan Covid-19 pada masa yang sama?**

Boleh. Anda boleh menuntut untuk kedua-duanya pada masa yang sama.

**Contoh:**

Bapa barisan hadapan di diagnos positif COVID-19 dan dimasukkan ke ICU

Anak perempuan barisan hadapan didiagnos positif COVID-19 dan dimasukkan ke wad biasa

Barisan hadapan meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19

**Manfaat yang dibayar:**

Elaun Pelepasan untuk penghospitalan di ICU kepada ayah barisan hadapan : RM10,000

Elaun Pelepasan untuk penghospitalan di wad biasa kepada anak barisan hadapan: RM2,000

Pembayaran Ihsan untuk barisan hadapan: RM40,000

Jumlah bayaran: RM52,000.

6. **Saya dimasukkan ke wad di hospital untuk ujian tetapi belum disahkan dijangkiti COVID-19. Bolehkah saya membuat tuntutan untuk Elaun Pelepasan?**

Tidak boleh. Anda mesti didiagnos positif COVID-19 dan dimasukkan ke hospital kerajaan di Malaysia untuk layak membuat tuntutan Elaun Pelepasan.

7. **Saya tidak sihat dan mempunyai beberapa symptom yang serupa dengan symptom jangkitan COVID-19 dan dimasukkan ke hospital. Bolehkah saya membuat tuntutan untuk Elaun Pelepasan?**

Tidak boleh. Anda tidak layak untuk membuat tuntutan Elaun Pelepasan jika anda tidak disahkan mendapat jangkitan COVID-19.

8. **Saya dimasukkan ke wad biasa di hospital kerana COVID-19 dan kemudian saya di pindahkan ke ICU. Apakah manfaat yang akan dibayar?**

Kami akan membayar Elaun Pelepasan sebanyak RM2,000 semasa anda dimasukkan ke wad biasa, dan RM8,000 apabila anda dimasukkan ke ICU akibat COVID-19.

9. **Saya dimasukkan ke wad biasa di hospital dan kemudian saya dipindahkan ke ICU. Selepas beberapa hari di ICU, saya dipindahkan semula ke wad biasa. Apakah jumlah Elaun Pelepasan yang akan dibayar?**

Kami akan membayar Elaun Pelepasan sebanyak RM10,000 kerana setiap petugas barisan hadapan layak menerima sehingga RM10,000 seorang.

10. **Anak perempuan saya dimasukkan ke wad biasa di hospital akibat COVID-19, selepas seminggu beliau meninggal dunia. Apakah manfaat yang akan dibayar untuk kes seperti ini?**

Kami akan membayar Elaun Pelepasan untuk penghospitalan di wad biasa sebanyak RM2,000. Tiada Pembayaran Ihsan untuk ahli keluarga.

**11. Jika barisan hadapan dimasukkan ke ICU di hospital akibat COVID-19 dan meninggal dunia. Apakah bayaran yang akan dibuat?**

Kami akan membayar Elaun Pelepasan untuk penghospitalan di ICU sebanyak RM10,000 dan Pembayaran Ihsan sebanyak RM40,000 akibat COVID-19.

**12. Jika barisan hadapan meninggal dunia kerana kemalangan atau serangan sakit jantung semasa tempoh dana berkuatkuasa, apakah bayaran yang akan dibuat?**

Kami akan membayar Pembayaran Ihsan sebanyak RM10,000 jika barisan hadapan meninggal dunia disebabkan oleh penyakit- penyakit selain daripada COVID-19 atau kemalangan.

**13. Bagaimana untuk saya membuat tuntutan?**

**Untuk tuntutan Pembayaran Ihsan, dokumen-dokumen berikut diperlukan:**

- a. Borang tuntutan yang telah dilengkapkan.
- b. Salinan kad kakitangan petugas barisan hadapan yang telah disahkan benar.
- c. Salinan Sijil Kematian yang telah disahkan benar.
- d. Salinan keputusan ujian positif COVID-19 yang telah disahkan benar.
- e. Salinan kad pengenalan baru penuntut yang telah disahkan.
- f. Salinan bukti hubungan dengan ahli keluarga (contoh: Sijil nikah atau Sijil kelahiran).
- g. Salinan Penyata Bank / Dokumen perbankan dalam talian.

**Untuk tuntutan Elaun Pelepasan, anda perlu menyerahkan dokumen-dokumen berikut:**

- a. Borang tuntutan yang telah dilengkapkan.
- b. Salinan kad kakitangan petugas barisan hadapan yang telah disahkan benar.
- c. Salinan rumusan discaj hospital (perlu nyatakan diagnosis, tarikh kemasukan dan tarikh discaj).
- d. Salinan kad pengenalan baru penuntut yang telah disahkan benar.
- e. Salinan bukti hubungan dengan ahli keluarga (contoh: Sijil nikah atau Sijil kelahiran).
- f. Salinan Penyata Bank / Dokumen perbankan dalam talian.

**Anda boleh hubungi Khidmat Pelanggan di alamat berikut:**

Pusat Perkhidmatan Tuntutan  
CuepacsCare4U Solutions Sdn Bhd  
B-5-3, Pusat Perdagangan Intania  
Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 3374 6268  
Faks: 03 3374 1095  
Emel: admin@cc4usolutions.my